

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pendapatan Kerajaan daripada semua cukai langsung dan tidak langsung untuk tahun 2017 – 2021. Nyatakan 10 kebaikan GST dan 10 keburukan SST.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan hasil cukai langsung dan cukai tidak langsung Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2017 berjumlah 177.7 bilion ringgit, 174 bilion ringgit bagi tahun 2018, 180.6 bilion ringgit bagi tahun 2019 dan 154.4 bilion ringgit bagi tahun 2020. Manakala jumlah yang sama bagi tahun 2021 dijangka mencecah 161.8 bilion ringgit.
2. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Cukai Barang dan Perkhidmatan (atau ringkasnya GST) merupakan salah satu model cukai kepenggunaan yang digunakan secara meluas di seluruh dunia. GST merupakan sistem percukaian pelbagai peringkat menyeluruh yang dapat memastikan beban cukai ditanggung dengan lebih adil oleh semua pihak bagi mencegah pelarian cukai. Dalam memastikan sesuatu barang atau perkhidmatan tidak dikenakan cukai ke atas cukai (atau dengan *tax on tax*), GST membolehkan tuntutan cukai input dibuat oleh peniaga. Ini bermaksud GST bukan merupakan kos kepada perniagaan dan elemen cukai tidak diserap sebagai kos perniagaan yang boleh meningkatkan harga barang kepada pengguna akhir. Dalam kata lain, peniaga berfungsi sebagai agen kutipan GST bagi pihak Kerajaan.
3. Selain itu, GST juga berpotensi menjadi cukai yang lebih progresif untuk pengguna jika digandingkan dengan pengenaan cukai pada kadar sifar untuk barang dan perkhidmatan asasi serta pemberian bantuan tunai untuk golongan berpendapatan rendah. GST bersifat telus kerana pengenaan GST akan dinyatakan dalam semua invois cukai untuk setiap peringkat dalam suatu rantaian urus niaga. Dalam masa yang sama, GST dapat meningkatkan pematuhan cukai dan mampu membendung kegiatan ekonomi gelap.
4. Sebaliknya, SST pada amnya adalah sistem percukaian satu peringkat yang mengenakan cukai di suatu peringkat tertentu dalam rantai perniagaan. Oleh sebab itu, skop pengenaannya lebih kecil berbanding GST. SST didapati hanya merangkumi 38% daripada Bakul Barang

dan Perkhidmatan dalam Indeks Harga Pengguna (atau CPI) berbanding GST yang merangkumi 60% daripada Bakul Barang dan Perkhidmatan CPI. Ini bermaksud kutipan hasil SST berkurangan hampir separuh daripada jumlah kutipan hasil semasa pelaksanaan GST.

5. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah bagi meminimumkan kesan kelemahan yang terdapat dalam sistem percukaian seperingkat. Antaranya, mengadakan semakan senarai barang yang boleh dikenakan cukai dan orang yang diberi pengecualian cukai. Kebanyakan barang asasi dan makanan serta barang industri telah dikecualikan daripada cukai jualan. Kadar cukai jualan yang lebih rendah sebanyak 5% juga dikenakan ke atas barang tertentu seperti makanan diproses. Pengecualian turut diberikan kepada mana-mana orang atau golongan orang secara *upfront* bagi mengurangkan beban kewangan yang perlu ditanggung oleh peniaga. Bagi cukai perkhidmatan pula, terdapat pengecualian diberikan ke atas pemberian perkhidmatan profesional yang sama di antara orang berdaftar dalam Kumpulan G, Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan juga kemudahan *group relief*.

6. Majoriti negara di dunia telah melaksanakan GST yang mana pelaksanaan GST bergantung kepada keperluan dasar percukaian sesebuah negara tersebut. Namun berdasarkan situasi semasa, Kerajaan memberi keutamaan untuk memulihkan ekonomi dan menjaga kesejahteraan rakyat terlebih dahulu. Sebarang cadangan melaksanakan semula GST atau apa-apa sistem percukaian kepenggunaan yang baharu masih dalam peringkat kajian, terutamanya kesan pelaksanaannya kepada ekonomi, harga barang dan beban cukai ke atas pengguna bagi memastikan ia lebih efisien dan efektif.

Sekian, terima kasih.